

## BAB KEEMPAT

### ANALISIS KESAN PEMELUKAN ISLAM TERHADAP NAFKAH

#### 4.0 Pendahuluan

Bab ini menyentuh secara perbandingan kesan pemelukan Islam terhadap hak-hak nafkah berdasarkan kedua-dua undang-undang iaitu peruntukan dalam Undang-Undang Keluarga Islam dan Akta 1976. Perkara-perkara yang menjadi aspek perbandingan akan dikupas dan dianalisis.

#### 4.1 Kesan Umum Pemelukan Islam Terhadap Hak Nafkah

Pemelukan agama Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam akan menimbulkan isu yang agak rumit dan berlaku konflik memandangkan terdapat undang-undang diri yang berasingan dalam sistem undang-undang yang ada. Keadaan ini telah menimbulkan suatu pertentangan bidangkuasa yang tidak jelas dalam sistem dualisme mahkamah di negara ini.<sup>162</sup> Ini kerana apabila berlaku pemelukan agama Islam, pasangan yang telah memeluk Islam itu adalah tertakluk kepada undang-undang Islam yang berkuatkuasa dalam negeri tempatnya bermastautin. Sementara pasangan yang bukan Islam adalah tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan ke atas orang-orang bukan Islam.<sup>163</sup>

---

<sup>162</sup> Suwaid Tapah (1996), "Pemelukan Islam: Perbincangan Daripada Perspektif Undang-undang Di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 4 Bil. 1, 1996, h. 114.

<sup>163</sup> *Ibid.*

Terdapat satu peruntukan di bawah Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di seluruh negeri yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan pembubaran perkahwinan apabila salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam memeluk Islam.<sup>164</sup> Pihak isteri dalam keadaan ini tidak lagi berhak ke atas nafkah kerana dianggap *nusyuz*.<sup>165</sup> Namun begitu, peruntukan tersebut hakikatnya tidak memberi apa-apa kesan ke atas pihak yang tidak memeluk Islam memandangkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa membicarakan kes yang mana salah satu pihak bukan beragama Islam. Ini adalah sebagaimana yang diperuntukan di bawah Senarai 2 Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya terhad ke atas orang yang menganut agama Islam.<sup>166</sup>

Selain dari itu, peruntukan tersebut juga tidak dapat dilaksanakan terhadap pihak-pihak kerana terdapat halangan yang jelas di bawah seksyen 51(1) Akta 1976 yang mana memperuntukkan hanya pihak yang tidak memeluk Islam boleh petisyen pembubaran perkahwinan sekiranya pasangannya memeluk Islam. Seterusnya boleh membuat permohonan nafkah di bawah seksyen 51(2) Akta yang sama. Sekiranya tiada permohonan pembubaran perkahwinan dibuat dibawah seksyen tersebut, maka perkahwinan mereka adalah berterusan menurut undang-undang Sivil sekaligus hak-hak nafkah juga tidak terjejas.

---

<sup>164</sup> Seksyen 46(2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Lihat juga Enakmen Melaka (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Negeri Sembilan (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Johor (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Selangor (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Pulau Pinang (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Perlis (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Perak (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Pahang (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Kelantan (No. 6/ 2002).

<sup>165</sup> Lihat Seksyen 65 (1) Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

<sup>166</sup> Perlembagaan Persekutuan, Senarai 2 Senarai Negeri.

Secara umumnya, Seksyen 51(1) tersebut dilihat membenarkan pertukaran agama berlaku dalam sesebuah perkahwinan. Walaubagaimanapun, kegagalan pihak penggubal undang-undang memberi ruang kepada pihak yang memeluk Islam untuk membubarkan perkahwinan dalam Akta 1976, menjadi penyebab kepada berlakunya konflik undang-undang seperti yang berlaku pada hari ini.<sup>167</sup> Ini kerana perkahwinan tersebut dianggap masih berterusan walaupun salah satu pihak telah memeluk Islam selagi tiada permohonan dibuat oleh pihak yang tidak masuk Islam untuk membubarkannya.<sup>168</sup> Adapun perkataan “boleh” di bawah seksyen 51(1) menunjukkan bahawa hak untuk membuat petisyen perceraian tersebut adalah suatu budi bicara sahaja. Ia terpulang kepada pihak yang tidak memeluk Islam samada hendak memfailkan petisyen perceraian atau tidak.<sup>169</sup>

Walaubagaimanapun, tidak seperti undang-undang Islam, Akta 1976 tidak menjadikan status perkahwinan sebagai penentu kepada kewajipan nafkah terhadap suami isteri memandangkan terdapat peruntukan yang menyatakan tanggungjawab seseorang lelaki itu membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya yang terdahulu tidak akan terhenti meskipun setelah pembubaran perkahwinan.<sup>170</sup> Berdasarkan peruntukan perundangan di Malaysia adalah, jika perkahwinan tersebut telah dilangsungkan mengikut upacara agama bukan Islam di mana ia dikategori sebagai perkahwinan Sivil, peruntukan-peruntukan dalam undang-undang Sivil hendaklah

---

<sup>167</sup> Najibah Mohd Zin (2006), "Pertukaran Agama: Kesan Terhadap Status Perkahwinan dan Tuntutan Relief Sampingan", dalam Abdul Monir Yaacob *et al.* (eds.), *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 189.

<sup>168</sup> Seksyen 8 Akta 1976 menyatakan tiap-tiap perkahwinan yang diupacarakan dalam Malaysia selepas tarikh yang ditetapkan, kecuali perkahwinan yang tak sah di bawah Akta ini, hendaklah berterusan sehingga dibubarkan – (a) dengan kematian salah satu pihak; atau (b) dengan perintah sesuatu mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang layak; (c) dengan suatu dikri yang dibuat oleh sesuatu mahkamah yang berbidangkuasa layak bahawa perkahwinan itu adalah taksah.

<sup>169</sup> Zuliza Mohd. Kusrin (2000), "Pemelukan Islam: Tinjauan Terhadap Persoalan Nafkah Suami, Isteri dan Anak-anak yang Berlainan Agama" ( Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam ke-2 di Universiti Kebangsaan Malaysia, 9-10 November 2000), h. 5.

<sup>170</sup> Nuraisyah Chua Abdullah (2004), "Conversion To Islam-Effect On status Of Marriages And Ancillary Reliefs", Kuala Lumpur: International Law Book Services, h. 33.

diaplikasikan dalam hal-hal yang melibatkan tuntutan nafkah walaupun salah satu pihak daripada perkahwinan tersebut telah memeluk agama Islam.<sup>171</sup>

Implikasi dari peruntukan sedemikian membuktikan bahawa, hanya mahkamah Sivil yang mempunyai bidangkuasa untuk membubarkan perkahwinan pihak-pihak tersebut sekaligus mengeluarkan perintah nafkah melalui peruntukan di bawah Akta 1976. Kesan yang amat nyata di dalam peruntukan tersebut juga ialah, apabila pihak isteri meskipun boleh membuat petisyen atas alasan pemelukan Islam oleh suaminya, tetapi dalam masa yang sama jika pihak isteri membuat petisyen atas alasan pengabaian, maka kemungkinan dia berhak terhadap tuntutan nafkah sekalipun selepas tiga bulan dari tarikh pemelukan itu.<sup>172</sup>

Dalam kes *Tey Siew Choo lwn Teo Eng Hua*,<sup>173</sup> persoalan samada Akta 1976 terpakai kepada pempetisyen dan membolehkannya untuk membubarkan perkahwinan atas alasan perkahwinan telah pecah belah. Mahkamah Tinggi Melaka telah membuat keputusan bahawa seksyen 3(3) Akta 1976 terpakai keatas pihak yang memeluk Islam dalam kes ini kerana perkahwinan mereka pada asalnya telah dilangsungkan mengikut akta tersebut.<sup>174</sup>

---

<sup>171</sup> Zuliza Mohd. Kusrin (2000), *op.cit.*, h.10

<sup>172</sup> Hamid Jusoh (1992), *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Raja Rahawani Raja Mamat (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 90.

<sup>173</sup> [1999] 6 CLJ 308

<sup>174</sup> Najibah Mohd Zin (2006), *op.cit.*, h. 197.

Berikut dirumuskan secara khusus faktor-faktor yang menyebabkan berlaku konflik dalam hal ini:-

## **4.2 Peruntukan Undang-Undang**

Masalah utama adalah berpunca daripada undang-undang itu sendiri. Antaranya ialah pemakaian undang-undang yang berbeza serta peruntukan undang-undang yang tidak selaras selain terdapat halangan perundangan terhadap pihak yang memeluk Islam.

### **4.2.1 Pemakaian Undang-Undang Yang Berbeza**

Pihak-pihak tertakluk kepada dua perundangan yang berbeza dalam kes pemelukan Islam, iaitu undang-undang Sivil dan undang-undang Islam. Persoalan yang penting ialah undang-undang manakah yang akan diutamakan pemakaianya dalam kes-kes sebegini? Ini telah menimbulkan konflik yang berterusan sehingga hari ini. Sebagai contohnya status perkahwinan pihak-pihak masih menjadi pertikaian apabila salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam memeluk Islam. Kedudukan perkahwinan yang tidak menentu ini seterusnya memberi kesan terhadap persoalan nafkah pasangan. Ini kerana berdasarkan undang-undang Islam status perkahwinan merupakan salah satu faktor penentu kepada hak dan kewajipan membayar nafkah.

Secara khususnya, orang Islam tertakluk kepada Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, manakala orang bukan Islam pula tertakluk kepada Akta 1976. Memandangkan terdapat beberapa peruntukan yang bercanggah dalam kedua-dua undang-undang tersebut, pemelukan Islam oleh salah satu pihak akan menimbulkan konflik terhadap persoalan nafkah pihak-pihak yang terlibat. Antaranya ialah

peruntukan seksyen 77(2) Akta 1976. Seksyen 77(2) Akta 1976 memperuntukkan seorang isteri juga boleh diperintahkan membayar nafkah kepada suami atau bekas suami yang tak upaya. Peruntukan seksyen tersebut adalah jelas bercanggah dengan undang-undang Islam yang mana memperuntukkan hanya suami boleh diperintahkan membayar nafkah kepada isterinya yang taat semasa perkahwinan masih berterusan atau semasa dalam tempoh ‘iddah. Permasalahan akan timbul sekiranya salah satu pihak memeluk Islam, undang-undang manakah yang akan terpakai?

Demikian juga berkenaan nafkah anak tak sahtaraf. Menurut Akta 1976, nafkah seorang anak tak sahtaraf adalah terletak pada ibu bapanya memandangkan status kanak-kanak tersebut sama seperti anak yang lahir dari perkahwinan. Walaubagaimanapun, di bawah undang-undang Islam nafkah anak tak sahtaraf terletak pada ibunya<sup>175</sup> kerana tiada pertalian anak tak sahtaraf dengan orang yang menyebabkan kelahirannya. Maka, menurut undang-undang Islam seseorang perempuan yang memeluk Islam dan mempunyai anak tak sah taraf perlu menanggung nafkah anak tak sahtarafnya. Sebaliknya jika seorang lelaki yang mempunyai anak tak sahtaraf memeluk Islam, beliau tidak perlu menanggung nafkah anak tak sahtaraf tersebut. Keadaan ini jelas menunjukkan terdapat percanggahan dalam kedua-dua undang-undang tersebut. Persoalan yang timbul, undang-undang mana yang akan terpakai dalam kes-kes ini? undang-undang Islam atau undang-undang Sivil? Persoalan ini hakikatnya memerlukan jawapan yang jelas agar pihak-pihak yang terlibat mendapat keadilan yang sewajarnya.

---

<sup>175</sup> Seksyen 80(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, (Akta No. 303, 1984). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Melaka 2002 (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 2003 (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 2003 (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang 2004 (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis 2006 (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang 2005 (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 2002 (No. 6/ 2002).

#### **4.2.2 Pembubaran Perkahwinan Melalui Peruntukan Seksyen 51(1) Akta 1976**

Berdasarkan peruntukan yang ada di bawah Akta 1976<sup>176</sup>, hanya pihak yang tidak memeluk Islam mempunyai remedi untuk membubarkan perkahwinan. Pihak yang telah memeluk Islam tidak diberi hak yang sama untuk membubarkan perkahwinan di bawah seksyen 51(1) Akta 1976. Masalah akan berlaku sekiranya pasangan yang bukan Islam tidak memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan, tetapi pihak-pihak telah berpisah dan tidak lagi tinggal sebumbung. Kedua-dua pasangan masih mempunyai hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab sebagai suami isteri menurut perspektif undang-undang Sivil. Walaupun begitu, menurut perspektif undang-undang Islam mereka tidak lagi dianggap sebagai suami isteri, selepas keengganannya satu pihak lagi memeluk Islam. Oleh yang demikian, pihak yang memeluk Islam itu tidak boleh membubarkan perkahwinannya yang terdahulu selagi pihak yang satu lagi belum memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan di Mahkamah Sivil memandangkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa kerana salah satu pihak bukan Islam. Kedudukan yang tidak menentu ini seterusnya menimbulkan pula masalah terhadap kewajipan dan hak-hak nafkah pihak-pihak yang terlibat.

Perkataan ‘boleh’ yang digunakan dalam peruntukan seksyen tersebut hakikatnya telah memberi pilihan kepada pihak yang tidak memeluk Islam untuk tidak membubarkan perkahwinan. Oleh yang demikian, sekiranya pembubaran tidak dibuat oleh pihak yang tidak memeluk Islam, maka pihak yang memeluk Islam perlu membayar nafkah kepada bekas isterinya tersebut sehingga dengan kematian suami atau

---

<sup>176</sup> Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

isteri, mengikut mana yang lebih awal ataupun apabila suami atau isteri tersebut berkahwin lain atau hidup dalam perzinaan dengan orang lain.<sup>177</sup>

#### **4.2.3 Pemakaian Peruntukan Seksyen 3(3) Akta 1976 Kepada Pihak-Pihak**

Seksyen 3(3) Akta 1976 memperuntukkan bahawa Akta itu tidak boleh dipakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin dibawah Hukum Syarak. Seksyen yang sama juga menegaskan bahawa tiada sesuatu perkahwinan yang boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta itu jika salah seorang daripada perkahwinan itu menganut agama Islam. Walaubagaimanapun, seksyen ini mengecualikan halangan pemakaianya sekiranya suatu petisyen perceraian telah dibuat di bawah seksyen 51 walaupun salah satu pihak itu telah masuk Islam.<sup>178</sup>

Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 3(3) ini, pihak-pihak hanya boleh membubarkan perkahwinan mereka melalui peruntukan seksyen 51(1) Akta 1976. Ini bererti, peruntukan seksyen 51 telah diperkuatkan lagi oleh seksyen 3(3) yang menyatakan bahawa tiada apa-apa juu dalam seksyen ini boleh diertikan sebagai menghalang sesuatu mahkamah yang di hadapannya suatu petisyen perceraian telah dibuat dibawah seksyen 51 daripada memberi dikri perceraian atas petisyen daripada satu pihak kepada suatu perkahwinan jika pihak yang satu lagi itu telah masuk Islam, dan dikri itu adalah, walau apapun undang-undang bertulis lain yang berlawanan, sah terhadap pihak kepada perkahwinan itu yang telah masuk Islam.<sup>179</sup>

---

<sup>177</sup> Seksyen 81 dan Seksyen 82 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

<sup>178</sup> Seksyen 3(3) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

<sup>179</sup> Zuliza Mohd. Kusrin & Mohd. Zamro Muda (2002), "Halangan-halangan Perundungan Terhadap Aplikasi Undang-undang Islam di Kalangan Saudara Baru di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Pengajian Dakwah Malaysia-Indonesia di Universiti Kebangsaan Malaysia, 18 Mei 2002). h. 5

Ini bererti, seksyen 51(1) dikuatkan lagi oleh seksyen 3(3) yang mana membolehkan pihak yang tidak memeluk Islam seterusnya menuntut nafkah di bawah seksyen 51(2) Akta yang sama. Kes yang berkaitan ialah kes *Letchumy v Ramadason*.<sup>180</sup>

#### **4.2.4 Pembubaran Perkahwinan di Bawah Seksyen 53 dan 54**

Selain peruntukan seksyen 51(1), pembubaran perkahwinan juga dibenarkan di Mahkamah Sivil melalui peruntukan lain seperti seksyen 53 dan 54. Meskipun pada asasnya Akta tersebut tidak terpakai kepada orang Islam, namun terbukti dalam beberapa kes ianya terpakai dalam kes pemelukan Islam. Oleh yang demikian, dalam keadaan ini jika pihak isteri membuat petisyen atas alasan pengabaian, maka dia berhak terhadap tuntutan nafkah sekalipun selepas tiga bulan dari tarikh pemelukan Islam suaminya itu.<sup>181</sup> Kes yang boleh dirujuk ialah kes *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim*.<sup>182</sup> dan *Tey Siew Choo lwn Teo Eng Hua*.<sup>183</sup>

Peruntukan-peruntukan ini jelas memperlihatkan banyak lagi kelonggaran yang diberikan kepada pihak yang tidak memeluk Islam. Sementara bagi pihak yang memeluk Islam pula, keadaan ini telah menimbulkan suatu ketidakadilan yang amat sukar untuk dilaksanakan. Ini kerana, setelah pemelukan Islam perkahwinan mereka telah terbubar menurut undang-undang Islam. Maka, adalah sesuatu yang mustahil baginya untuk memberi nafkah kepada isterinya yang telah tercerai akibat dari keengganannya untuk memeluk Islam bersamanya.

---

<sup>180</sup> [1984] 1 *MLJ* 143

<sup>181</sup> Kes *Letchumy lwn Ramadason* [1984] 1MLJ 143, lihat ulasan Hamid Jusoh (1992). Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia (terj.). Kuala Lumpur: DBP, h. 90.

<sup>182</sup> [ 1994] 3 *MLJ* 117

<sup>183</sup> [1999] 6 *CLJ* 308

## **4.3 Bidangkuasa Mahkamah Syariah**

Selain daripada masalah undang-undang, permasalahan juga berlaku disebabkan kekangan dan batasan bidangkuasa Mahkamah Syariah yang hanya terhad ke atas pihak bukan Islam.

### **4.3.1 Mahkamah Syariah Tidak Mempunyai Bidangkuasa ke Atas Pihak Bukan Islam**

Menurut undang-undang Islam, perkahwinan seseorang bukan Islam terbatal apabila beliau telah memeluk Islam sekiranya pasangannya enggan turut sama berbuat demikian. Akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam memperuntukan pembubaran tersebut perlu kepada pengesahan mahkamah (Mahkamah Syariah).<sup>184</sup> Walaubagaimanapun, pengesahan tersebut tidak berkesan membubarkan perkahwinannya dengan pasangannya dari kacamata undang-undang Sivil. Dengan kata lain, Mahkamah Syariah hanya boleh merungkaikan perkahwinan tersebut dengan alasan pihak yang satu lagi bukan orang Islam. Tetapi ini tidak membawa maksud yang perkahwinan tersebut sudah dibubarkan. Ini kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes tersebut kerana salah satu pihak yang terlibat adalah bukan orang Islam.<sup>185</sup>

---

<sup>184</sup> Seksyen 46(2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Lihat juga Enakmen Melaka (No. 12/2002). Lihat juga Enakmen Negeri Sembilan (No. 11/ 2003). Lihat juga Enakmen Johor (No. 17/ 2003). Lihat juga Enakmen Selangor (No. 2/ 2003). Lihat juga Enakmen Pulau Pinang (No. 5/ 2004). Lihat juga Enakmen Perlis (Enakmen 7). Lihat juga Enakmen Perak (Bil. 6/ 2004). Lihat juga Enakmen Pahang (Enakmen 3). Lihat juga Enakmen Kelantan (No. 6/ 2002).

<sup>185</sup> Jadual ke Sembilan Senarai 2 Senarai Negeri

Demikian juga dengan persoalan nafkah. meskipun terdapat peruntukan yang menyebut tentang persoalan nafkah, tetapi mahkamah syariah tidak mempunyai bidangkuasa membicarakan kes-kes tersebut memandangkan ianya melibatkan orang bukan Islam. Mungkin disebabkan kekangan bidangkuasa Mahkamah Syariah yang hanya terhad ke atas orang Islam, kes-kes nafkah yang melibatkan pihak-pihak bukan Islam jarang difaikan di Mahkamah Syariah. Namun begitu, perkembangan terkini dalam satu kes di Sarawak,<sup>186</sup> plaintif (suami) telah memeluk Islam dan memohon pembubaran perkahwinan di bawah seksyen 44(2) Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001.<sup>187</sup> Permohonan tersebut diluluskan dan Mahkamah Tinggi Syariah juga memerintahkan plaintif (suami) supaya membayar nafkah kepada tiga orang anaknya yang berusia enam, tiga dan dua tahun sebanyak RM 200 setiap seorang sehingga mereka mencapai umur 18 tahun. Perintah dibuat berdasarkan Seksyen 71 Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 2001.

Keputusan ini menunjukkan Mahkamah Syariah menggunakan peruntukan Seksyen 71 (iaitu peruntukan berkenaan nafkah) selepas membenarkan pembubaran perkahwinan di bawah Seksyen 44(2) enakmen tersebut. Pada asasnya, Seksyen 71 tersebut hanya terpakai kepada pembubaran perkahwinan orang Islam dan ianya tidak terpakai bagi kes pemelukan Islam yang mana salah satu pihak bukan beragama Islam. Walaubagaimanapun, keputusan Mahkamah Syariah dalam kes ini tidak bererti Mahkamah Syariah telah mempunyai bidangkuasa menangani kes-kes nafkah yang melibatkan pihak bukan Islam. Ini kerana dalam satu kes yang lain, keputusan berbeza pula telah dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah Kota Kinabalu.<sup>188</sup> Dalam kes ini, mahkamah mengesahkan pembubaran perkahwinan di bawah Enakmen Undang-

---

<sup>186</sup> Kes Mal No 13100-013-0012-2004 tahun 2005, Mahkamah Syariah Kuching.

<sup>187</sup> Seksyen 44(2) adalah berkenaan dengan pembubaran perkawinan disebabkan pemelukan Islam.

<sup>188</sup> Permohonan Kes No 12001-013-4-2003, Mahkamah Rendah Syariah Pantai Barat Kota Kinabalu.

Undang Keluarga Islam<sup>189</sup> tetapi selanjutnya memutuskan bahawa mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan perkara nafkah dan penjagaan anak-anak kerana kedua-dua perkara tersebut hendaklah diputuskan di Mahkamah Tinggi Sivil.

Apa yang jelas, kepelbagaian keputusan telah dibuat oleh pihak mahkamah dalam menangani isu nafkah yang melibatkan kes pemelukan Islam ini. Keadaan ini hakikatnya telah mengakibatkan tercetusnya konflik antara pihak-pihak yang terlibat. Oleh yang demikian, segala isu dan konflik yang timbul memerlukan penyelesaian agar pihak-pihak mendapat keadilan sebagaimana tujuan undang-undang diadakan. Kerjasama dari semua pihak samada Islam atau bukan Islam amatlah diperlukan agar undang-undang yang ada dapat diharmonikan sekaligus memberi keadilan bagi pihak-pihak yang terlibat.

#### **4.4 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan yang telah dibuat, wujudnya konflik dalam kes pemelukan Islam ini adalah disebabkan peruntukan undang-undang itu sendiri. Pertentangan yang ketara antara kedua-dua sistem undang-undang tersebut yang telah menyebabkan timbulnya isu dan konflik apabila berlaku pemelukan Islam oleh salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan bukan Islam. Daripada kedua-dua undang-undang tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa wujudnya ketidakadilan yang nyata terhadap pihak yang memeluk Islam apabila beliau tidak mempunyai ruang untuk mendapat perceraian sekaligus bertanggungjawab ke atas nafkah pihak-pihak yang bukan lagi tanggungannya.

---

<sup>189</sup> Seksyen 46 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Sabah 1992

Melihat keadaan ini, undang-undang yang ada hakikatnya bukan hanya tidak mampu memberikan keadilan antara pihak-pihak, malah telah menimbulkan konflik sehingga seperti telah wujud satu hukuman bagi pihak yang memeluk Islam. Ini kerana, meskipun seseorang yang telah memeluk agama Islam tertakluk dengan undang-undang Islam, tetapi dia masih terikat dengan undang-undang peribadinya dahulu. Namun, apa yang lebih malang, meskipun orang yang memeluk agama Islam itu terikat di bawah undang-undang peribadinya dahulu, ia tidak dibenarkan menggunakan apa-apa hak di bawah undang-undang peribadinya itu.<sup>190</sup> Maka, keterikatan itu hakikatnya tetap tidak mampu memberikannya keadilan apabila ia tidak dibenarkan menggunakan apa-apa hak di bawah undang-undang tersebut. Maka, suatu mekanisma terbaik adalah dicadangkan dan wajar dilaksanakan bagi menyelesaikan konflik yang timbul dalam hal ini.

---

<sup>190</sup> Ahmad Mohamed Ibrahim (1996), "Pertukaran Agama Islam", dalam Abdul Monir Yaacob *et al.* (eds.), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 63.